

02

EDISI KEDUA



GSMfSR

BULETIN

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X

www.kedah.uitm.edu.my JULAI - DISEMBER 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



Kunjungan oleh
Pro-Canselor UiTM
YBHG. Tan Sri
Dato' Seri Utama
(DR) Arshad Ayub
ke GALERI SENI MERBOK

LAKAR DESIGN SHOW 2018
Art Meet Science
Pensyarah FSSR pameran
kehebatan

BENGKEL PANDAI BATIK
bersama Pelancong Taiwan

Galeri Seni Merbok
Berwajah Baru
oleh: Faryna Mohd Khalis

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi kedua bagi bulan Julai hingga Disember 2018. Seperti biasa galeri masih rancak menerima kunjungan daripada pihak sekolah-sekolah dan IPT terutama sekitar Kedah. Selain daripada lawatan, galeri kini telah berwajah baru apabila penambahbaikan dilakukan melibatkan pertukaran cat dinding, lantai dan susun atur hasil karya baru. Bukan itu sahaja, malah ruangan galeri telah digunakan untuk pameran sebuah event besar iaitu Pameran Seni Budaya dan Pertandingan yang dijangka berakhir dengan sambutan kemuncak pada bulan March 2019. Semoga pameran dan pertandingan ini memberi semangat dan manfaat kepada semua pengkarya-pengkarya agar terus menghasilkan karya-karya sebagai inspirasi kepada pelapis pada masa akan datang.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Madya Dr Shaiful Annuar Khalid

Ketua Editor
Dr Faryna Mohd Khalis

Editor
Dr Azhari Md Hashim

Reka Letak Grafik
Dr Faryna Mohd Khalis

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Jurugambar
En Nizar Nazrin & En Syafiq Samat

PENULIS

Shuhaila Md Shahid
Dr Faryna Mohd Khalis
En Zaidi Yusoff
Dr Nurul Ayn Sayuti
En Abdullah Kula
Dr Shafila Subri

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

BENGGKEL PELAN STRATERGIK BATIK MERBOK 2018

oleh: Suhaila Md Shahid

Pada penghujung 2018, Batik Merbok berjaya menganjurkan Bengkel Pelan Strategik Batik Merbok untuk tahun 2019 dengan Usaha Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM) yang diadakan pada 13 hingga 15 Disember 2018 di Grand Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan. Bengkel ini turut dihadiri oleh Y.Bhg. Prof Madya Dr Shaiful Annuar Khalid Rektor UiTM Kedah dan Prof Madya. Dr Mohamad Hariri Hj. Abdullah, Pengarah Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), selaku Penceramah jemputan dalam bengkel ini. Hasil dari perbincangan di bengkel selama 3 hari ini, Batik Merbok dapat merancang dan menentukan aktiviti yang akan dilaksanakan pada sepanjang tahun 2019 bagi menjana pendapatan UiTM Cawangan Kedah.

Selain itu, Batik Merbok akan menambah dan mempelbagaikan design serta produk jualan Batik Merbok hingga boleh berada di pasaran antarabangsa selain menyeragamkan 'style' rekacorak Batik Merbok untuk semua produk termasuk pembungkusan dan bahan sokongan bagi pasaran dalam negara dan luar negara disamping mendapat pengiktirafan "Good Design Mark". Justeru itu, ia juga dapat menerapkan interaksi dan perbincangan berkumpulan dengan pelbagai idea dalam mencapai matlamat utama iaitu bekerjasama didalam kumpulan dan melahirkan staf yang komited dan cemerlang.

